

**HINDARI AMALAN YANG SIA-SIA  
21 RABIUL AKHIR 1443H/ 26 NOVEMBER 2021M**

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا  
اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ  
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Marilah kita menghayati Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah al-Furqan ayat 23:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَقَدْ مَنَّآ إِلَىٰ مَا عَمِلُوا مِنْ عَمَلٍ فَجَعَلْنَاهُ هَبَاءً مَنْثُورًا ﴿٢٣﴾

*Yang bermaksud : Dan Kami hadapi segala amal yang mereka kerjakan, lalu Kami jadikan amal itu (bagaikan) debu yang berterbangan.*

Ayat ini memberi peringatan kepada kita semua kerana terdapat sebahagian daripada orang yang bertemu dengan Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat nanti amalan baiknya menjadi sia-sia.

Mereka yang banyak beramal soleh seperti solat, puasa, zakat dan sebagainya tetapi mereka juga melakukan perbuatan maksiat dan kezaliman terhadap orang lain. Apa yang paling malang, amalan baiknya itu ditebus atau ditolak atas perbuatan dosa dan kezalimannya seperti mengambil hak orang lain, khianat, mengumpat, memaki-hamun, memfitnah dan lain-lain khususnya yang tersebar atau dikongsi dalam media sosial.

Perbuatan inilah yang membawa kepada muflis seperti sabda Baginda Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam dalam hadis yang di riwayat oleh Imam Muslim yang bermaksud:

*"Tahukah kamu siapakah orang yang muflis itu?" Para sahabat menjawab: "Orang yang muflis dalam kalangan kami adalah orang yang sudah tidak lagi memiliki dirham dan harta benda." Baginda bersabda: "Orang yang muflis adalah orang yang datang pada hari Kiamat dengan membawa amalan solat, zakat dan puasa, Namun dia datang dalam keadaan dahulu pernah mencaci maki si fulan, menuduh dan memfitnah fulan, memakan harta si fulan, menumpahkan darah si fulan dan memukul si fulan. Amal-amal kebbaikannya dibahagi-bahagikan kepada orang tersebut. Jika amalan kebbaikannya sudah habis, maka dosa-dosa mereka diambil lalu dipikulkan ke belakangnya. Kemudian dia dilempar ke dalam neraka."*

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Selain itu, mereka juga menjadi muflis kerana mengambil hak milik orang lain dengan cara salah seperti rasuah, mencuri, menipu, meragut, menyamun dan sebagainya. Oleh itu hindarilah daripada sebarang bentuk kezaliman dan penganiyaan terhadap orang lain agar kita tidak muflis di akhirat nanti. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam surah Qaf ayat 18:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ ﴿١٨﴾

*Yang bermaksud: Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya)."*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.